

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

PLG 425 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

Masa: [3 jam]

Bahagian A: Jawab semua soalan.

1. Jawab semua soalan berikut. Tulis jawapan anda di dalam buku jawapan. Setiap jawapan perlu ditulis dengan ringkas tetapi padat.
 - (a) Apakah yang anda faham dengan kenyataan, "paras signifikan satu ujian statistik ialah 0.05?"
 - (b) Apakah yang dimaksudkan dengan ujian parametrik dan ujian bukan parametrik? Beri contoh kedua-dua ujian statistik ini.
 - (c) Dengan memberi satu contoh, terangkan masalah penyelidikan yang bagaimana yang sesuai untuk digunakan Kaedah Tinjauan?
 - (d) Apakah yang anda faham tentang Kaedah Kualitatif? Beri satu contoh masalah penyelidikan yang relevan dengan kaedah ini.
 - (e) Apakah perbezaan antara Ujian-T dan ANOVA? Bagaimana kedua-dua ujian ini dikaitkan dengan nilai kebolehubahan antara kumpulan dan kebolehubahan dalam kumpulan (between and within group variabilities).
 - (f) Rekabentuk "Ujian Pra-Ujian Pos, Kumpulan Kawalan" adalah yang terbaik dari segi kurangnya ancaman. Lukis rekabentuk ini dan terangkan apakah maksud kenyataan ini.
 - (g) Bagaimanakah bentuk data yang sesuai digunakan ujian Chi-gandadua (Chi-square)? Bagaimanakah caranya ujian ini digunakan?
 - (h) Apakah perbezaan antara Kaedah Ex-post Facto dan Kaedah Eksperimen? Beri contoh bagi menyokong jawapan anda.

...2/-

- (i) Apakah empat ciri penting soal-selidik yang baik bagi Kaedah Tinjauan?
- (j) Apakah pengukuran "unobtrusive"? Pengukuran jenis ini biasanya digunakan dalam kaedah penyelidikan yang bagaimana?

(40 markah)

2. Huraikan dengan ringkas maksud semua konsep-konsep berikut. Tulis jawapan anda di dalam buku jawapan.

- (a) Hipotesis Nol.
- (b) Persampelan Kelompok.
- (c) Kaedah Penyelidikan Korelasi.
- (d) Kebolehpercayaan Alat Ukur.
- (e) Kesahan Dalaman.
- (f) Kesan Hawthorne.
- (h) Randomisasi.
- (i) Selisihan Lazim (Standard Error)
- (j) Populasi Sasaran.

(20 markah)

3. Katakan anda sudah pun menjadi guru terlatih di sebuah sekolah. Semasa duduk di bilik guru seorang rakan anda yang mengajar matapelajaran Matematik di Tingkatan Satu memberi tahu anda yang dia telah mencuba satu kaedah mengajar baru, iaitu "Kaedah Berbantuan Komputer" (Computer Assisted Instruction atau CAI). Rakan anda mendakwa bahawa dia telah mencuba kaedah CAI ini untuk satu topik matapelajaran Matematik di kelasnya dan didapati lebih berkesan dari "Kaedah Tradisional". Anda sebagai guru yang telah mengikuti Kursus PLG425 ingin membuat penyelidikan berhubung dengan dakwaan rakan anda itu.

...3/-

- 3 -

Tulis dengan ringkas tetapi padat satu cadangan kajian berhubung dengan dakwaan di atas. Isu-isu yang perlu dicakupi di dalam cadangan kajian ialah seperti berikut:

- (a) Masalah Penyelidikan
- (b) Hipotesis Kajian
- (c) Kaedah dan Reka Bentuk Kajian
- (d) Persampelan dan Randomisasi
- (e) Pungutan Data
- (f) Kewujudan Ancaman
- (g) Ujian Statistik
- (h) Batasan Kajian

(20 markah)

Bahagian B: Jawab satu soalan sahaja.

4. Apakah kekuatan dan kekurangan menggunakan soal selidik melalui pos sebagai instrumen pungutan data di dalam Kaedah Tinjauan?
(20 markah)
5. Kaedah "pemerhatian" ialah satu teknik pengumpulan data bagi sebuah penyelidikan. Huraikan
 - (a) kekuatan teknik ini,
 - (b) jenis-jenis "pemerhatian" yang anda tahu.
 (20 markah)
6. Apakah kekuatan kaedah Kajian Kes? Dengan menggunakan satu contoh masalah penyelidikan yang anda reka sendiri, huraikan bagaimana kaedah Kajian Kes lebih sesuai digunakan untuk masalah penyelidikan tersebut berbanding dengan kaedah lain.
(20 markah)
7. Dengan berpandukan satu masalah penyelidikan tertentu yang anda reka, huraikan bagaimana anda melaksanakan "Kaedah Sejarah". Apakah kekuatan kaedah ini berhubung dengan soalan penyelidikan yang ingin dijawab.
(20 markah)

- oooOooo -

